

# Lihat Fikir Bertindak

Sekarang, bersama-sama



**Pemanasan global +0.5°C sahaja ialah suatu masalah BESAR**

Dunia telah mencatatkan 1°C lebih panas sejak era praperindustrian.

IPCC, sebuah badan Bangsa-Bangsa Bersatu, telah memberikan amaran tentang akibat serius jika suhu purata global meningkat sebanyak 0.5°C lagi. Masyarakat kita, kehidupan dan mata pencarian akan terancam teruk jika dunia gagal mengambil tindakan tegas dalam 10 tahun akan datang.

## LIHAT

**Jika Suhu Meningkat Sebanyak 0.5°C Lagi ...**

Kota di pinggir pantai, negara pulau kecil dan negara kepulauan mungkin menghadapi lebih banyak bencana berkaitan iklim dan kemungkinan ancaman kewujudan.

### Paras Laut Meningkat

Peningkatan paras laut Singapura berkemungkinan lebih tinggi daripada purata global akibat ais di kutub yang mencair (Kopp dll., 2017)

### Artik Tanpa Ais

Lebih daripada 50% kemungkinan musim panas tanpa ais, yang mengakibatkan paras laut lebih tinggi

### Penyakit Bawaan Nyamuk

Suhu yang lebih panas akan meningkatkan tempoh pengemaran untuk virus denggi dalam nyamuk *Aedes aegypti* daripada 12 hari kepada 7 hari, menyebabkan negara seperti Singapura menghadapi risiko ancaman denggi yang lebih tinggi (Watts dll., 1967)

### Dedahan Kemarau

350 juta lagi penduduk bandar akan menghadapi musim kemarau yang teruk, seperti yang berlaku di Australia dan Afrika baru-baru ini

### Pelbagai Spesies Menghadapi Risiko Pupus Habitat

~ 6,000 tumbuhan, ~ 1,200 serangga, dan ~ 500 vertebrat (haiwan bertulang belakang) akan menghadapi risiko paling tinggi kehilangan lebih separuh habitat mereka (Warren dll., 2018a)

### Kesihatan Manusia

Sebanyak satu bilion orang akan terjejas akibat gelombang haba yang teruk, sekali setiap lima tahun, seperti yang telah dialami di Eropah, Jepun dan India pada tahun ini

### Pelunturan Batu Karang

Sebanyak 70-90% terumbu karang akan musnah dan mengancam sekuriti makanan serta menjejaskan mata pencarian

Sumber: The Intergovernmental Panel on Climate Change, IPCC Special Report on Global Warming of 1.5°C, Oktober 2018.

## FIKIR

**Dunia Hanya Ada 10 Tahun untuk Mencegah Bencana Iklim**

### 50% PENGURANGAN

dalam pengeluaran karbon

### 15% PENURUNAN

dalam penggunaan tenaga global

### 60% PENINGKATAN

dalam sumber elektrik boleh diperbaharui

Bagaimana kita boleh mengubah cara kita menjalani hidup, bekerja dan bermain untuk masa depan rendah karbon menjelang 2030?

## BERTINDAK

**Melabur dalam Masa Depan Lestari**

Kami mencari peluang untuk melabur dalam syarikat yang menangani cabaran kelestarian global.



### Sustenir

mengamalkan perkebunan pintar untuk menanam strawberi dan kubis kerinting di Singapura



### Neoen

menghasilkan elektrik hijau daripada solar, angin, dan kemudahan penyimpanan tenaga antarabangsanya



### Tessa Therapeutics

ialah sebuah syarikat beribu pejabat di Singapura, yang membangunkan terapi sel yang novel untuk penyakit kanser



### Pasukan Debug Verily

berusaha menghapuskan nyamuk yang menyebarkan denggi di Singapura dan di seluruh dunia



### Ayuh Turut Serta!

Ayuh bertindak sekarang, bersama-sama untuk membina *Dunia abc* iaitu ekonomi yang aktif dan produktif, masyarakat yang cantik budi pekerti dan bersih menyeluruh, serta Bumi yang bersih dan dingin.



### KURANGKAN

Kurangkan sisa makanan Kurangkan penggunaan bahan pakai buang



### GUNAKAN SEMULA

Baiki, tukar atau kongsi barangan Guna semula segala bekas



### KITAR SEMULA

Asingkan barangan boleh kitar semula Dermakan alatan terpakai

## TEMASEK

## TEMASEK SHOPHOUSE

### PUSAT UNTUK IMPAK KEMASYARAKATAN

**Pemberian Temasek kepada masyarakat**

sebuah pusat yang membolehkan pembawa perubahan bekerjasama dalam menyampaikan penyelesaian kemasyarakatan dan alam sekitar



Imbas untuk maklumat lanjut tentang Temasek Shophouse

Terletak di rumah kedai yang dipulihara, Temasek Shophouse bertujuan mengumpulkan rakyat di Singapura dan di luar untuk memperjuangkan usaha kemasyarakatan, cara kederawanan yang mampan, dan usaha untuk mencetuskan sikap suka memberi dan menimbulkan rasa prihatin.



## MANDAT UNTUK PELABURAN MASYARAKAT



Temasek Foundation berhasrat mengukuhkan daya pemulihan dan meningkatkan kehidupan, keluarga dan masyarakat, menggalakkan dialog dan mempertingkatkan keupayaan serantau, serta memajukan sains dan alam semula jadi untuk dunia yang lestari.

### Kajian Kesihatan Mental Singapura

Menyokong Institut Kesihatan Mental dalam projek penyelidikan seluruh negara tentang kesihatan mental di Singapura



### Bahan Hijau

Menggunakan sumber boleh diperbaharui untuk menghasilkan bahan biorosot alternatif kepada plastik sekali guna



### Program Penajaan SingHealth

Menyediakan latihan untuk kesihatan ibu dan anak bagi 250 penajaan kesihatan profesional di Madhya Pradesh, India

## TEMASEK FOUNDATION

Mengubah lebih 900,000 kehidupan orang di Singapura dan seluruh Asia

### Meningkatkan Kebolehergerakan melalui Eksoskeleton (iMove)

Menilai daya maju dan potensi menggunakan eksoskeleton (rangka luar) robot untuk memulihkan pergerakan



### Projek Silver Screen

Membantu warga tua memeriksa penglihatan, pendengaran dan kesihatan mulut mereka dengan kadar bersubsidi



### Program-program Marie Curie dan Da Vinci Junior

Mengasah bakat pemikiran saintifik golongan muda dalam generasi yang akan datang di Singapura



Imbas untuk maklumat lanjut tentang cara Temasek Foundation membolehkan dan memperkayakan kehidupan

